

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]
TARIKH : 21 MEI 2015
SOALAN :

YB Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah kekurangan doktor di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mac 2015, terdapat sebanyak 2,360 jawatan pegawai perubatan di fasiliti-fasiliti kesihatan KKM di negeri Sarawak dengan pengisian seramai 1,816 orang atau 76.9 peratus. Daripada jumlah tersebut, seramai 255 orang adalah Pegawai Perubatan Pakar, 925 orang Pegawai Perubatan Bukan Pakar dan 636 orang Pegawai Perubatan Siswazah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaksanakan inisiatif seperti di bawah bagi mengatasi kekurangan Pegawai Perubatan di Sabah dan Sarawak:

- (i) Melatih lebih ramai Pegawai Perubatan Pakar dengan menambah bilangan slot biasiswa daripada 800 setahun kepada 1,000 tempat setahun mulai tahun 2013;
- (ii) Melantik semula secara kontrak Pegawai Perubatan Pakar warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM;
- (iii) Melantik Pegawai Perubatan Pakar di kalangan bukan warganegara secara kontrak untuk berkhidmat dengan KKM;
- (iv) Mengambil perkhidmatan Pegawai Perubatan Pakar swasta secara *sessional*;
- (v) Penempatan Pegawai Perubatan Pakar di Hospital Luar Bandar secara giliran untuk tempoh minimum 1 tahun; dan
- (vi) Memperluaskan konsep hospital kluster bagi tujuan perkongsian sumber manusia, fasiliti dan beban tugas di fasiliti kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelbagai langkah yang diambil oleh KKM untuk menambahkan bilangan pegawai perubatan bagi memberi perkhidmatan kesihatan kepada rakyat termasuklah di Sarawak seperti:

- i. Pengambilan pegawai perubatan dan pakar warganegara asing secara kontrak;
- ii. Pelantikan semula pegawai perubatan dan pakar KKM yang telah bersara secara kontrak; dan
- iii. Pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara sessional.

Selain dari itu, sejajar dengan pertambahan institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan pengajian dalam bidang perubatan, dianggarkan jumlah graduan akan terus bertambah dan boleh ditempatkan ke seluruh negara termasuklah Sarawak.

Bagi menggalakkan Pegawai Perubatan dari Semenanjung bertugas di Sarawak, pelbagai insentif ditawarkan seperti pemberian pelbagai elaun tertentu dan juga mendapat keutamaan apabila memohon untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana.